

Headline	Brains 2018 diteruskan bagi memulihara hutan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Apr 2018	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	22	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	433 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,558
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,674



SANTUARI Ikan Sungai Ruok antara yang menjadi tarikan pelancong di Royal Belum.

## Brains 2018 diteruskan bagi memulihara hutan

**A**KAN datang, Yayasan Pulau Banding (PBF) bakal mengadakan Sidang Kemuncak Hutan Hujan Belum 2018 (*Brains*) bagi menghimpunkan pakar-pakar alam semula jadi bagi membincangkan hal-hal berkenaan pemuliharaan hutan.

Persidangan yang diadakan setiap dua tahun sekali di Pulau Banding Resort itu telah dianjurkan dengan jayanya pada tahun 2016 yang lalu dan bakal membuka tirainya sekali lagi September tahun ini.

Brains merupakan persidangan yang diadakan melibatkan pakar dalam bidang perhutanan dari dalam dan luar negara untuk berkongsi pendapat dan ilmu untuk terus memelihara dan melindungi khazanah alam.

Tema Brains 2018, adalah memfokuskan ialah perkhidmatan biodiversiti dan ekosistem, perhutanan sosial dan komuniti, pemuliharaan hidupan liar serta penglibatan kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan.

Justeru, Datuk Dr. Abdul Rashid Ab. Malik berharap supaya penganjuran Brains 2018 dapat menghasilkan beberapa resolusi baharu untuk membangunkan komuniti seperti menjana pendapatan kepada Orang Asli melalui eko-pelancongan.



Info

- Brains 2018 dijangka dihadiri 100 peserta mewakili pegawai kerajaan, saintis, penyelidik, aktivis pemuliharaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ketua komuniti serta pembuat dasar untuk bersama berkongsi idea dan mencari penyelesaian bagi pemuliharaan alam sekitar.

- Brains 2018 tertumpu kepada pembentangan kertas kerja mengenai pemuliharaan dan pembangunan komuniti.

- Turut dijemput Dana Sedunia Alam Semula jadi (WWF), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) serta Kerajaan Negeri Perak sebagai penganjur bersama.

- Brains 2018 juga dianjurkan bersempena ulang tahun ke-10 PBF dan bakal berlangsung selama tiga hari sehingga tarikh yang ditetapkan.